

02/05/1997

MB: Anwar jumpa Sultan hari ini

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Besar Selangor yang baru bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib mungkin diketahui esok.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual menghadap Sultan Selangor di Istana Hinggap Hijau (Green Lodge), Shah Alam pada 10 pagi esok, dipercayai untuk mendapatkan perkenan mengenai pelantikan Menteri Besar itu.

Timbalan Perdana Menteri dijadual menemui pemberita selepas majlis menghadap itu dan mungkin mengumumkan nama Menteri Besar yang baru, sekali gus akan menamatkan spekulasi berlarutan hampir tiga minggu mengenai pengganti Muhammad.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Abdul Munir Bani, berkata pertemuan itu sebenarnya dijadualkan pada jam 6 petang ini tetapi terpaksa dibatalkan kerana Tuanku masih berada di Istana Hinggap Morib, Sijangkang.

"Bagaimanapun, pertemuan itu diadakan pagi esok selepas Tuanku pulang ke Shah Alam," katanya ketika dihubungi hari ini.

Muhammad meletak jawatan pada 14 April lalu setelah menghadapi tuduhan di Australia kerana gagal mengisytiharkan wang tunai dalam beberapa mata wang bernilai RM2.4 juta, yang cuba dibawanya keluar dari Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember lalu.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya siapa Menteri Besar Selangor yang baru, secara berseloroh berkata: "Tak tahulah, tanya dia (sambil menunjuk kepada Anwar yang berada di sebelahnya). Mulai esok, beliau akan in charge, jadi tanya dia."

Menurut Perdana Menteri, Anwar mengambil alih tugasnya mulai hari ini kerana beliau akan berlepas ke Malawi untuk lawatan rasmi hingga Sabtu ini.

(END)